

9  
407

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO. 44 – 18 TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh Hishamuddin Bin Rais untuk arahan dalam hal Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5(3) dan 149 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1) Kanun Prosedur Jenayah (FMS Cap 6)

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON

DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

AFIDAVIT JAWAPAN

Saya, **FADZIL BIN HJ. MOHD SIH ( G/10751 )**, seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di nombor 71, Jalan Samudra Selatan 9, Taman Samudra, 68100 Batu Caves Selangor Darul Ehsan dengan sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:

1. Saya adalah seorang Pegawai Kanan Polis berpangkat Assisten Superintenden dan bertugas di Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur dan telah diberikuasa untuk mengikrarkan affidavit ini untuk dan bagi pihak Responden.
2. Segala fakta yang diikrarkan dalam affidavit ini adalah benar, dalam pengetahuan saya dan daripada rekod-rekod dalam simpanan saya dan dokumen-dokumen kepada mana saya mempunyai akses, kecuali di mana dinyatakan sebaliknya.
3. Saya merujuk kepada Affidavit Jalaluddin Bin Ab Manaf (selepas ini disebut "Affidavit tersebut") yang telah diikrarkan pada 12.4.2001 yang difailkan untuk menyokong Notis Usui Pemohon.
4. Saya dengan sesungguhnya menyatakan daripada maklumat yang diterima berhubung dengan kegiatan orang tahanan bernama HISHAMUDDIN BIN RAIS (selepas ini disebut sebagai "Pemohon"), saya mempunyai sebab-sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan-alasan yang boleh mewajarkan Pemohon ditahan di bawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta 82).
5. Saya juga sesungguhnya mempercayai Pemohon telah bertindak dengan cara yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

6. Oleh itu pada 10.4.2001 jam 5.00 petang, saya telah mengetuai satu pasukan polis menangkap dan menahan Pemohon di nombor 52A, Jalan Kemuja, Bangsar Utama, Kuala Lumpur di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta 82).
7. Sebaik sahaja saya menangkap Pemohon, saya telah memberitahu dan menerangkan kepada Pemohon dalam bahasa Melayu yang mudah sebab-sebab Pemohon ditangkap. Saya sesungguhnya mempercayai Pemohon telah memahami penerangan saya.
8. Pada masa tangkapan, saya tidak memberitahu butir-butir maklumat yang diterima dan siasatan yang dijalankan berhubung kegiatan-kegiatan Pemohon kerana saya mempunyai sebab mempercayai bahawa dengan berbuat demikian ia adalah bertentangan dengan kepentingan keselamatan Malaysia. Saya kemudiannya telah menahan Pemohon untuk tujuan penyiasatan lanjut di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta 82).
9. Seterusnya pada jam 5.30 petang hari yang sama, iaitu 10.4.2001 saya telah membuat pengaduan polis bersabit dengan tangkapan ke atas Pemohon tersebut sebagaimana Balai Polis Travers Repot No. 1650/2001. Satu salinan laporan polis yang telah disahkan oleh Assisten Komisioner Polis KOH HONG SUN, seorang Pegawai Kanan Polis yang memegang jawatan selaku Ketua Polis Daerah Brickfields, Kuala Lumpur yang mempunyai di dalam jagaannya dokumen tersebut, dilampirkan dan ditandakan sebagai ekshibit "FMS - 1".
10. Saya sesungguhnya percaya bahawa tindakan saya menangkap dan menahan Pemohon adalah dibuat menurut peruntukan undang-undang dan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta 82).

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO. 44 – 18 TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh  
Hishamuddin Bin Rais untuk arahan  
dalam hal Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5(3)  
dan 149 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara Seksyen 73 Akta  
Keselamatan Dalam Negeri, 1960  
(Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1)  
Kanun Prosedur Jenayah (FMS Cap 6)

## ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON


## DAN

KETUA POLIS NEGARA



RESPONDEN

JURAT

Berkenaan dengan affidavit oleh )  
 Deponen bernama Fadzil )  
 bin Hj. Mohd Sih )  
 Diikrarkan pada 15 April, 2001 )  
 di Putrajaya, Wilayah Persekutuan )  
 (terjemahan tidak diperlukan )



Di hadapan saya

AFIDAVIT ini diikrarkan pada 15 April 2001 dan difailkan pada 16 April 2001 oleh Peguam Kanan Persekutuan untuk dan bagi pihak Responden yang mempunyai alamat untuk penyampaian di Jabatan Peguam Negara Bahagian Pendakwaan, Aras 7, Blok C 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**  
**PERMOHONAN JENAYAH NO.44-18 TAHUN 2001**

Dalam perkara satu permohonan oleh  
 Hishamuddin Bin Rais untuk arahan dalam Habeas  
 Corpus

DAN

Dalam perkara fasal 5(1), 5(2), 5(3) dan 149  
 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara Seksyen 73 Akta Keselamatan  
 Dalam Negeri, 1960 (Akta 82)

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365 (1) Kanun Prosedur  
 Jenayah (FMS Cap 6)

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON


DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

**SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya dengan ini mengakui bahawa Ekshibit berikut bertanda "FMS-1" yang  
 dirujuk dalam Afidavit Fadzil Bin Hj. Mohd.Sih telah diikrarkan di hadapan saya  
 pada /5 haribulan April 2001.



A..... MUKA.....

POLIS DIRAJA MALAYSIA

413

SALINAN REPOT

No. Repot TRIVERS RPT. NO. 1650/2001 Rumah Pasong SENTUL

Pada 5.30 PETANG <sup>pagi</sup> 10 APRIL 2001 <sup>petang</sup> 20 Fasal

Aduan ASP FADZIL BIN HJ. MOHD.SIH (G/10751) seorang <sup>icak</sup> 1 <sup>perempuan</sup>

Bangsa MELAYU Umur 36 tahun. Kerja PEGAWAI POLIS

Duduk di IBUPEJABAT POLIS BUKIT AMAN, KUALA LUMPUR

Jurubahasa ..... daripada ..... kepada .....

Saksinya .....

Kata aduan .....

Disalin oleh :

Kpl 00694

*[Handwritten signature]*

Disemak oleh :

SM 52065

*[Handwritten signature]*

'SALINAN YANG DISAHKAN'

*[Handwritten signature]*

(KOH HONG SUN) ACP  
Ketua Poli: Daerah,  
Brickfields,  
Kuala Lumpur  
Tarikh: 14/4/2001

Pada 10 April 2001 jam 5.00 petang saya (G/10751) ASP Fadzil Bin Hj. Mohd. Sin bersama C/Insp Mena, Rusli Bin Bin (I/11462), Insp. Kamaruddin Bin Md. Yusop (I/13917) dan Insp Liew Cheng Heen (I/14690) telah menangkap dan menahan Hishamuddin Rais No.R/P: 4154269 di No. 52A, Jalan Kemuja, Bangsar Utama, Kuala Lumpur di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 kerana mempunyai sebab-sebab untuk dipercayai dia telah bertindak dengan apa-apa cara yang mendatangkan mudarat kepada Keselamatan Malaysia. Saya juga dipercayai ada alasan-alasan untuk menjustifikasi penahanannya di bawah Seksyen 3 akta yang sama. Semasa ditangkap Hishamuddin Rais tidak mempunyai senarang ke d Pengenal diri. Sekian laporan saya.

T.T Pengadu

SALINAN DIAKUI SAH

*[Handwritten signature]*  
HAMISI BIN WAJ ARSHAD, SUPT  
-at Turus EOB 15/4/2001  
-ejabat Polis  
-awangan Khas  
BUKIT AMAN